



KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI

SIARAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS TINDAKAN EKONOMI BIL. 7/2019

YAB Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad telah mempengerusikan mesyuarat ke-7 Majlis Tindakan Ekonomi atau *Economic Action Council* (EAC) di Putrajaya pada 6 November 2019.

Mesyuarat EAC tersebut telah membincangkan hasil kajian impak yang dijalankan oleh Kementerian Hal Ehwat Ekonomi (MEA) ke atas Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik atau *Comprehensive and Progressive Agreement For Trans-Pacific Partnership* (CPTPP). Perjanjian perdagangan seperti CPTPP perlu mengambil kira komitmen Kerajaan dalam melaksanakan dasar pembangunan yang inklusif agar manfaat CPTPP yang dijana dapat dinikmati bersama dan selari dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Dalam hubungan ini, implikasi dan potensi impak CPTPP telah dibincangkan secara mendalam dan keputusan muktamad sama ada untuk meratifikasi CPTPP atau sebaliknya akan ditentukan oleh Jemaah Menteri.

Selain itu, seiring dengan usaha Kerajaan untuk mewujudkan suasana pasaran domestik yang lebih kompetitif, efisien dan kondusif, EAC turut membincangkan hasil kajian semula pasaran sektor makanan negara di bawah Akta Persaingan 2010. Kajian ini dijalankan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Hasil pembentangan penemuan kajian ini telah diteliti dan turut membincangkan prospek penstrukturan semula rantaian bekalan makanan menerusi platform ekonomi digital dengan penglibatan aktif sektor swasta bagi menurunkan harga barangan keperluan.

Urus Setia

Majlis Tindakan Ekonomi (EAC)

Kementerian Hal Ehwat Ekonomi

7 November 2019